

Kebebasan mutlak tak mungkin wujud

10 SEP 2002

Oleh LAUPA JUNUS

KUALA LUMPUR 9 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan kebebasan mutlak tidak mungkin wujud kerana kebebasan sedemikian boleh membawa kepada kekacauan.

Perdana Menteri berkata, kecuai kerajaan mengenakan had kepada hak-hak tertentu, individu boleh menyalahgunakan hak tersebut untuk menimbulkan keruntuhan moral seperti membunuh bayi yang belum lahir dan kanak-kanak.

“Pada masa yang sama dalam menuntut hak-hak mereka, individu terbabit perlu juga menghormati hak-hak orang lain,” katanya.

Perdana Menteri menyatakan perkara itu pada majlis perasmian Persidangan Hak Asasi Manusia dan Pendidikan anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) di sini, hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim.

Persidangan dua hari bertema ‘Hak Asasi Manusia dan Pendidikan’ itu disertai kira-kira 400 orang mewakili pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO), individu dan sekolah.

Dr. Mahathir berkata, konsep hak asasi Barat berbeza dengan negara-negara Asia.

Beliau menjelaskan, Barat mengutamakan hak asasi manusia secara individu terlebih dahulu sebelum mengambil kira kepentingan kumpulan atau masyarakat manakala budaya Asia menekankan kepada masyarakat berbanding individu.

Sebagai contoh, kata Perdana Menteri Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA) yang dikritik keras oleh Barat digunakan bagi menjamin keselamatan dan memberi perlindungan kepada kelompok majoriti.

“Kita tidak perlu meminta maaf dalam usaha kita mendukung keluhuran undang-undang semasa dan memastikan keselamatan serta ketenteraman terpelihara,” tegas beliau.

Kata Perdana Menteri, Malaysia tidak perlu bimbang untuk menyatakan apa yang benar kepada hak asas manusia di negara ini.

Menurut beliau, hak asasi manusia perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas iaitu mengenai kualiti hidup masyarakat dan bukan semata-mata bersandarkan kepada Deklarasi Hak Asasi Manusia 1948 yang ideal tetapi tidak

dilaksanakan sepenuhnya secara berkesan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, sungguhpun sesetengah pihak mungkin melihat Perlembagaan Persekutuan secara berbeza, kebebasan asas tertentu telah dinyatakan jelas dalam bahagian II Perlembagaan.

Katanya, selain Artikel 3-15 yang menyatakan hak-hak politik dan awam, terdapat beberapa lagi hak yang dinyatakan dalam Perlembagaan seperti hak warga negara menyaman kerajaan (Artikel 69 dan 167), hak mengundi (Artikel 119) dan perlindungan daripada diskriminasi kaum dalam perkhidmatan awam (Artikel 135).

Selain itu menurut beliau terdapat undang-undang biasa yang menyediakan perlindungan kepada hak-hak asasi seperti Akta Orang Asli, Akta Kerja, Akta Keganasan Rumah Tangga, Akta Pendidikan dan Akta Alam Sekitar.

“Berbanding negara-negara lain, Malaysia berada di hadapan dalam memelihara hak asasi manusia,” katanya.

Kata beliau, Malaysia merupakan negara ketiga di kalangan negara-negara ASEAN menubuhkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia.